

28 JUL 2000

Ghani-Umno

UMNO JOHOR SUSUN AGENDA BANTERAS PEMBANGKANG LEBARKAN PENGARUH

JOHOR BAHRU, 28 Julai (Bernama) -- Umno Johor akan menyusun agenda kerja yang komprehensif untuk mengesan dan membanteras tindak tanduk parti pembangkang terutamanya PAS daripada melebarkan pengaruhnya di Johor.

Pengerusi Perhubungan Umno Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata usaha itu akan dilakukan sepanjang masa sehingga pilihan raya umum akan datang dan langkah pertama yang dilakukan ialah memperkukuhkan perpaduan di kalangan peringkat kepimpinan Umno negeri.

"Kita tidak memandang ringan usaha pihak pembangkang untuk cuba menembusi Johor," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan itu di sini malam tadi.

Pada pilihan raya umum November tahun lepas, Barisan Nasional (BN) menyapu bersih kesemua 20 kerusi Parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Johor.

Abdul Ghani berkata Umno Johor tidak akan leka dan lalai dalam menunaikan tanggungjawabnya walaupun BN menang 100 peratus dan kesetiaan anggota Umno kepada parti kukuh di Johor.

Menurutnya, Umno Johor akan terus memperjuangkan agenda Melayu di samping melancarkan gerakan mesra serta memahami isu-isu yang dihadapi masyarakat Melayu daripada pelbagai peringkat biarpun mereka golongan muda, profesional, kelas menengah dan yang berlatar belakangkan agama.

Beliau berkata Umno juga akan turun ke semua peti undi di 20 kawasan Parlimen di Johor bagi mengetahui perkembangan yang berlaku selepas pilihan raya umum tahun lepas.

Purata terdapat sebanyak 35 peti undi di setiap kawasan Parlimen dan semua 20 bahagian Umno diminta memulihkan jawatankuasa peti undi masing-masing, katanya.

Ketika ditanya langkah Umno Johor berhubung tindakan parti pembangkang menggunakan masjid untuk berkempen dan memperluaskan pengaruhnya, Menteri Besar berkata perkara itu tidak berlaku di Johor.

"Umno Johor mesra dengan masjid," katanya.

Beliau juga mengumumkan bahawa Konvensyen Umno Johor pada 9 Sept di Batu Pahat akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, satu perhimpunan akar umbi yang akan dihadiri oleh pemimpin Umno peringkat cawangan juga akan diadakan pada 4 dan 5 Nov di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Di Johor, terdapat sebanyak 1,750 cawangan Umno.

Yang turut hadir pada mesyuarat malam tadi ialah Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mesyuarat itu ialah yang pertama selepas pelantikan pengerusi dan timbalan pengerusi Umno Johor oleh Dr Mahathir awal bulan ini.

-- BERNAMA

MKO RHM